

Media Barat terus laksana agenda perkecil kepimpinan negara

uu 24/10/03
MELAKA 23 Okt. — Media Barat dilihat akan terus melaksanakan agenda mereka dalam memperkecilkan kepimpinan negara meskipun selepas Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad melepaskan jawatan Perdana Menteri pada 31 Oktober ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Rais Yatim berkata, media Barat sama ada elektronik atau cetak yang cemburukan kemajuan pesat negara, akan terus menjadikan Malaysia sasaran modal putar belit mereka.

“Ini terbukti apabila mereka begitu segera dan cepat membuat liputan yang menyeronokkan sebelah pihak berhubung kenyataan Dr. Mahathir mengenai Yahudi.

“Mereka secara terang-terang memutarbelitkan kenyataan Perdana Menteri sedangkan hakikatnya Dr. Mahathir tidak mengutuk orang Yahudi semasa ucapan pembukaan Sidang Kemuncak OIC baru-

baru ini,” katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis Penerangan Isu-Isu Semasa di Jasin, malam tadi.

Beliau mengulas tindakan kotor media Barat yang begitu ghairah menyerang pemimpin negara ini, dan terbaru cuba memutarbelitkan kenyataan Dr. Mahathir berhubung Yahudi.

Rais berkata, dalam ucapannya pada sidang OIC itu, Dr. Mahathir tidak pernah mengutuk orang Yahudi sebaliknya cuma menyatakan bahawa secara proksi masyarakat itu sudah menguasai kebanyakan negara dan kerajaan.

Menurut beliau, media Barat tidak senang melihat Malaysia dalam keadaan aman damai, maju serta mempunyai pemimpin yang berwibawa dan akan terus dengan agenda mereka untuk memburuk-burukkan pemimpin negara.